

21 FEB 2000

MAHATHIR: KERAJAAN SEDANG KAJI SISTEM SARAAAN BARU

SHAH ALAM, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan sedang mengkaji semula Sistem Saraan Baru (SSB) dan akan mendapatkan pandangan Cuepacs dalam kajian itu.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir laporan sebuah akhbar hari ini mengenai penentuan kuasa kenaikan gaji kakitangan kerajaan dipindah daripada ketua jabatan kepada satu panel tiga anggota hanyalah spekulasi.

"Kita belum buat keputusan lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan kilang Ericsson di sini.

Akhbar berbahasa Inggeris itu memetik sumber sebagai berkata pemindahan kuasa itu dibuat berikutan kritikan daripada Cuepacs dan MTUC bahawa ada ketua jabatan yang menyalahgunakan kedudukan mereka untuk memberi kenaikan gaji kepada orang tertentu sahaja.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mengadakan rundingan dengan Cuepacs tentang apa yang perlu dibuat berkenaan dengan SSB.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri telah berbincang dengan presiden Cuepacs N.Sivasubramaniam mengenai memo kesatuan itu berhubung SSB.

-- BERNAMA

ES AHH PR